

Menteri wakil kaum Dayak wajar dipertimbangkan

Oleh Misiah Taib

KUCHING: Pemimpin politik dan penganalisis politik di negeri ini berpendapat, Sarawak wajar mendapat lebih banyak jawatan dalam Kabinet termasuk seorang Menteri dari kaum Dayak sebagai menghargai sumbangan besar Barisan Nasional (BN) Sarawak terhadap kemenangan BN pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

Mereka juga berpendapat, Sarawak wajar diberikan Kementerian yang lebih penting serta sesuai dengan keadaan di negeri ini, berikutan rekod cemerlangnya pada setiap pilihan raya umum.

Bagi mereka, sumbangan 30 kerusi Parlimen atau 21.4 peratus daripada 140 kerusi yang membolehkan BN membentuk kerajaan itu wajar dihargai, lebih-lebih lagi Sarawak suatu ketika dulu pernah mendapat kuota tiga menteri, sebelum rombakan kabinet pada Februari 2006.

Kali terakhir Sarawak mendapat kuota tiga menteri pada satu-satu masa ialah ketika Datuk Dr Muhammad Leo Michael Toyad menjadi Menteri Pelancongan antara 27 Mac 2004 hingga 14 Februari 2006; Datuk Seri Adenan Satem menjadi Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk tempoh sama serta Datuk Seri Effendi Norwawi sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri sejak 2004, seterusnya dilantik sebagai Senator dan menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri sejak 12 Februari 2006.

Menteri mewakili kaum Dayak

yang terakhir pernah dilantik sebelum ini ialah Tan Sri Leo Moggie yang memegang portfolio Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia mulai 3 Mei 1995 hingga Mac 2004. Daripada 2.2 juta rakyat Sarawak 55 peratus adalah kaum Dayak.

Sebelum pembubaran Parlimen pada 13 Februari lalu, Sarawak hanya ada seorang Menteri dari kalangan Ahli Parlimen iaitu Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin, selain Effendi yang dilantik sebagai Senator.

Sarawak juga mendapat empat jawatan Timbalan Menteri sebelum pembubaran itu, selain dua Setiausaha Parlimen.

Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS), parti komponen BN yang mewakili kaum Dayak di Sarawak, Datuk Seri Dr James Jemut Masing, berkata Sarawak bukan saja wajar mendapat lebih daripada satu jawatan Menteri dalam Kabinet, malah diberikan Kementerian yang lebih penting sesuai dengan keadaan di Sarawak, misalnya Sarawak masih jauh ketinggalan dari segi infrastruktur dan pembangunan di luar bandar.

“PRS cadangkan supaya portfolio berkaitan infrastruktur dan pembangunan luar bandar diberikan kepada Sarawak, supaya usaha untuk membangunkan kemudahan itu dapat diberi tumpuan, apa lagi Sarawak masih jauh ketinggalan dari segi kedua-dua kemudahan berkenaan.

“Kita juga harap menteri mewakili kaum Dayak turut dilantik, apa lagi

selepas Moggie bersara, tidak ada pengganti beliau mewakili kaum kami,” katanya sambil menambah kuota sekurang-kurangnya tiga Menteri untuk Sarawak suatu ketika dulu wajar dipertimbangkan semula. Dulu dua daripada Menteri di Sarawak mewakili Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), manakala seorang lagi sama ada mewakili parti Dayak atau Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dari kaum Cina.

Ketika mendapat tiga kuota Menteri, Sarawak hanya mempunyai 28 kerusi Parlimen. Tiga kerusi baru yang menjadikannya 31 kerusi parlimen, baru pertama kali ditandingi pada pilihan raya kali ini.

Penganalisis politik yang juga Pensyarah Fakulti Sains Sosial Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Dr Jeniri Amir, berkata Sarawak adalah benteng terakhir yang menyelamatkan maruah BN, dengan sumbangan kerusi terbanyak pada pilihan raya umum Sabtu lalu.

Justeru, katanya, memang wajar untuk Sarawak diberikan lebih suara dalam Kabinet berbanding hanya seorang Ahli Parlimen Sarawak dilantik sebagai menteri sebelum ini.

“Rakyat Sarawak sentiasa setia bersama BN selama ini dan berjaya mempertahankan rekod cemerlang sehingga 12 kali pilihan raya umum,” katanya.

Jadi Kerajaan Pusat perlu menghantar mesej yang tepat kepada rakyat di negeri ini bahawa sokongan mereka dihargai dengan memberikan lebih daripada satu jawatan menteri dalam kabinet,” katanya.